

21 NOV 1997

PANGGILAN MARGIN TIDAK AKAN DISEKAT KESELURUHANNYA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan panggilan margin tidak akan disekat keseluruhannya kerana tindakan seumpama itu akan membawa masalah kepada sektor perbankan.

"Kita perlu mengambil pertimbangan yang sewajarnya dalam perkara ini kerana jika panggilan margin disekat keseluruhannya, bank-bank mungkin akan menghadapi masalah," katanya sebagai menjawab soalan yang diajukan oleh pemberita sama ada panggilan margin akan disekat keseluruhannya selepas mempengerusikan satu mesyuarat khas Majlis Tertinggi Barisan Nasional di sini hari ini.

Di mesyuarat berkenaan, majlis itu memberi sokongan penuh terhadap pembentukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) bagi mengatasi kesan-kesan kelemahan ringgit dan penurunan pasaran saham.

Dr Mahathir berkata "amalan perbankan berhemat mestilah selalu diikuti" tetapi dalam masa yang sama bank-bank harus melindungi kepentingan pelanggan-pelanggan mereka...." Saya percaya mereka tahu apa yang perlu dilakukan."

Panggilan margin adalah permintaan oleh broker atau bank kepada pelanggan untuk meningkatkan marginnya atau simpanan yang diperlukan bagi menjalankan urusan niaga kerana potensi kerugian dijangka lebih besar berbanding yang dijangkakan sebelum ini.

Disebabkan oleh serangan manipulasi berterusan yang mengakibatkan kejatuhan mendadak dalam pasaran mata wang dan pasaran saham di sini, pelabur-pelabur menghadapi masalah berkaitan dengan panggilan margin di mana nilai saham jatuh di bawah nilai di mana mereka menjamin kepada bank sebagai cagaran untuk memperolehi pinjaman.

Secara perbandingannya, apabila meningkat, nilai saham mungkin 80 peratus mengatasi nilai yang dijamin kepada bank-bank.

Tetapi dengan harga-harga yang jatuh sejak beberapa bulan kebelakangan ini, pelabur-pelabur digesa oleh bank-bank untuk memenuhi defisit dalam nilai saham atau dalam perkataan lain, bank-bank akan membuat panggilan margin. -- BERNAMA

AD ZK MA